

## 'Letak pegawai kendali aduan'

BH 5/10/03

KUALA LUMPUR: Semua jabatan dan agensi kerajaan diarah untuk menugaskan pegawai bagi mengendalikan segala aduan orang ramai berkaitan perkhidmatan mereka manakala ketua jabatan dinasihatkan supaya memberi teladan yang baik kepada kakitangan masing-masing.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata pemantauan seumpama itu penting supaya tindakan segera boleh diambil untuk menyelesaikan sebarang masalah eko-ran aduan yang dibuat.

Katanya, satu badan berasingan untuk memantau prestasi setiap agensi tidak perlu kerana menjadi tanggungjawab ketua jabatan untuk berbuat demikian bagi membaik pulih serta memperbetulkan segala kelemahan.

"Di peringkat pusat, kita sudah ada Biro Pengaduan Awam untuk orang ramai membuat aduan," katanya dalam temubual bersama *Buletin Malaysia*, portal berita Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai kempen kepemimpinan melalui teladan yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lebih sedekad lalu, Samsudin berkata ketua jabatan hendaklah terus mengamalkan pendekatan itu.

Katanya, ketua jabatan perlu memberi contoh yang baik dari segi kelakuan dan tingkah laku ketika menjalankan tugas untuk dicontohi kakitangan bawahan mereka.

Beliau juga berkata bahawa kakitangan awam perlu menerima teguran dan kritikan masyarakat serta berusaha memperbaiki segala kelemahan diri dan organisasi masing-masing.